


Headline	Bunga kertas lewatkan proses penuaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	32,33	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	1744 cm ²
Journalist	mdziri@bh.com.my MOHD ZIN ALI	AdValue	RM 59,887
Frequency	Daily	PR Value	RM 179,661



Pokok bunga yang sering menjadi hiasan landskap turut mempunyai khasiat perubatan. [GAMBAR HIASAN]

Bunga kertas lewatkan proses penuaan

Ekstrak kaya antioksidan semula jadi sebagai makanan tambahan untuk kesihatan, kesejahteraan

MOHD ZIN ALI

mdzin@bh.com.my

Bunga kertas atau nama saintifiknya, Bougainvillea adalah sejenis tumbuhan berbunga yang banyak ditanam sebagai tanaman hiasan landskap di negara ini.

Kelopak bunganya yang mempunyai pelbagai warna, tahan lama dan mudah dijaga serta pokoknya mampu hidup untuk tempoh panjang sehingga boleh melebihi 20 tahun, menyebabkan ia menjadi pilihan sebagai tanaman landskap.

Tumbuhan berasal dari Amerika Selatan itu mampu menghasilkan bunga sepanjang tahun sesuai dijadikan tanaman bonsai.

Nama Komander Laut Perancis
Pokok bunga kertas memperoleh namanya daripada kelopak bunga yang nipis dan ada ciri seperti kertas, manakala nama Inggeris bunga ini iaitu Bougainville dinamakan sempena nama seorang Komander Laut Perancis, Louis Antoine de Bougainville.

Ada tiga spesies utama bunga kertas di Malaysia iaitu Bougainvillea

glabra, Bougainvillea spectabilis dan Bougainvillea Mrs Butt.

Banyak kacukan sudah dilakukan daripada tiga spesies asal ini untuk menghasilkan pokok bunga kertas yang mempunyai pelbagai warna kelopak – sama ada kelopak selapis mahupun banyak lapis.

Bagaimanapun, selain keindahan tanaman itu, kebanyakan kita tidak menyedari bahawa pokok bunga yang sering menjadi hiasan di sekeliling rumah itu turut mempunyai khasiat perubatan.

Ubat berkaitan sistem pernafasan
Tumbuhan ini dikatakan sudah lama digunakan oleh pengamal perubatan tradisional di Mexico sebagai ubat dalam penjagaan kesihatan berkaitan sistem pernafasan.

Maklumat ini mendorong sekumpulan penyelidik dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) diketuai Pegawai Penyelidik Kanan, Dr Vimala Subramaniam menjalankan kajian peringkat awal untuk mengesan kehadiran bahan antioksidan ke atas Bougainvillea glabra berkenaan.

Tambahan pula, kebelakangan ini, antioksidan semula jadi dikatakan sering mendapat sambutan dan perhatian saintis serta masyarakat seluruh dunia. Antioksidan semula jadi daripada tumbuhan ini terbukti lebih baik, selamat dan tidak mendatangkan kesan sampingan yang menjelaskan kesihatan berbanding penggunaan antioksidan sintetik.

Vimala berkata, piyhanya bermimat melakukan kajian ke atas pokok bunga kertas kerana ia senang tumbuh di Malaysia dan memudahkan

mereka mendapatkan sumber bahan mentah bagi menjalankan kajian.

Beliau berkata, kajian yang kali pertama diadakan di Malaysia ke atas ekstrak Bougainvillea glabra itu mendapat bunga berkenaan mempunyai aktiviti antipengoksida yang tinggi.

"Kajian awal mendapat ia berupaya melawan, menghalang, menghapus dan menyingkir molekul radikal bebas dengan kadar melebihi 80 peratus dalam dua sistem ujian iaitu sistem pendekatan superoksid xantin oksidase (XOD) dan radikal bebas 1,2-difenil-2-pikrilhidrazi (DPPH)," katanya.

Manusia tidak dapat lari daripada masalah radikal bebas kerana badan sentiasa menghasilkannya melalui proses metabolisme dan biokimia. Ia adalah hasil produk badan sendiri

Bahan antioksidan semula jadi dalam bunga kertas berupaya melambatkan tanda awal penuaan dan menghindari risiko penyakit kronik degeneratif. Oleh itu, ia disyorkan sebagai makanan tambahan untuk memelihara kesihatan"

Vimala Subramaniam,
Pegawai Penyelidik Kanan FRIM



selain terpaksa berdepan dengan masalah pencemaran alam sekitar. Radikal bebas jika terlalu banyak dalam badan boleh merosakkan organ, sakit sendi dan berlakunya simptom penuaan.

Apabila seseorang itu masih muda, badan berupaya menghasilkan enzim antioksidan, tetapi sebaik sahaja berusia lebih 40 tahun, pengeluaran antioksidan akan berkurangan sehingga 40 dan 50 peratus. Oleh itu, kita dapat melihat simptom penuaan apabila seseorang itu berusia lebih 40 tahun dengan pengurangan antioksidan dikatakan berlaku secara drastik.

Mereka yang berusia 50 dan 60 tahun dikatakan masing-masing akan mencatatkan 10 dan lima peratus dalam pengeluaran antioksidan dalam badan. Ia menyebabkan

Headline	Bunga kertas lewatkan proses penuaan		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	12 Nov 2015	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	32,33	ArticleSize	1744 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 59,887
Journalist	mdziri@bh.com.my MOHD ZIN ALI	PR Value	RM 179,661
Frequency	Daily		



Vimala (kanan) dan Pegawai Penyelidik FRIM, Shalini Markanda menunjukkan cara mengekstrak bunga kertas ketika ditemui di pejabatnya di FRIM, baru-baru ini.

orang ramai memerlukan makanan tambahan antioksidan untuk menangani masalah pengurangan bahan terbabit sekali gus mampu melambatkan proses penuaan.

Keupayaan serap radikal oksigen

Vimala berkata, kajian dilanjutkan ke atas ekstrak Bougainvillea glabra juga mendapat tumbuhan itu mempunyai Keupayaan Menyerap Radikal Oksigen (ORAC) yang tinggi serta kaya dengan komponen kimia fenol, bahan semula jadi dalam tumbuhan yang menyumbang kepada aktiviti antioksidan.

"Kami juga menjalankan penilaian keselamatan dengan melakukan analisis sitotoksiti, beban mikrob dan logam berat untuk memastikan ekstrak tumbuhan ini selamat digunakan."

"Hasil analisis toksiti menggunakan

sel hati dan ginjal mendapati ia selamat digunakan begitu juga dengan analisis menggunakan beban mikrob dan kandungan logam berat," katanya.

Vimala berkata, bahan antioksidan semula jadi dalam bunga kertas berupa menghalang molekul radikal bebas serta mencegah kerosakan akibat kesan oksidatif pada sel badan dengan mengimbangi dan menstabilkan keadaan tekanan oksidatif.

Melambatkan tanda penuaan

"Di samping itu, ia melambatkan tanda awal penuaan dan menghindari risiko penyakit kronik degeneratif. Oleh itu, ekstrak Bougainvillea glabra yang kaya dengan antioksidan semula jadi ini disorok sebagai makanan tambahan untuk memelihara kesihatan dan kesejahteraan," katanya.

Daripada hasil kajian yang memenangi pingat gangsa pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2012 itu, Vimala berkata, pihaknya menghasilkan tiga produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang masih belum berada di pasaran.

"Ketiga-tiga produk protaip makanan tambahan berdasarkan Bougainvillea yang berkhasiat antioksidan dihasilkan dengan kerjasama FRIM bersama Furley Bioextract Sdn Bhd ialah biskut untuk kanak-kanak Crimson Cookies, teh bunga Phantasy Floral Tea dan minuman berteranga Torrential Verve Energy Booster," katanya.

 ikuti BH Plus
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video